



WEBINAR

CIMS 2021

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA KESATUAN
ULAMA ISLAM SEDUNIA DALAM SOSIO-POLITIK**

المؤتمر للاتحاد العالمي لعلماء المسلمين في السياسة الاجتماعية

“Ulama Penggerak Sosio-politik Ummah”



24 - 25 FEBRUARI 2021

BUKU PROGRAM

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA KESATUAN ULAMA ISLAM
SEDUNIA DALAM SOSIO-POLITIK (CIMS 2021)**

ANJURAN

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
TERENGGANU STRATEGIC & INTEGRITY INSTITUTE (TSIS)
YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM)

ISI KANDUNGAN

No.	Perkara	Muka Surat
1	<i>Kata Alu-aluan</i> YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Ekhwan Bin Hj. Toriman <i>Naib Canselor,</i> <i>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</i>	2
2	<i>Kata Alu-Aluan</i> YBhg. Dr. Hj. Wan Mat Bin Sulaiman <i>Ketua Pegawai Eksekutif,</i> <i>Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)</i>	3
3	<i>Kata Alu-aluan</i> YBrs. Hj. Nasrudin Bin Hassan <i>Yang Dipertua,</i> <i>Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)</i>	4
4	<i>Kata Alu-aluan</i> YBhg. Prof. Dr. Wan Kamal Bin Mujani <i>Dekan,</i> <i>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia</i>	5
5	<i>Kata Alu-aluan</i> YBhg. Prof. Madya Dr. Mazlan Bin Ibrahim <i>Pengarah,</i> <i>Persidangan Antarabangsa Kesatuan Ulama Islam Sedunia dalam Sosio-Politik 2021</i>	6
6	Aturcara Persidangan	7
7	Majlis Perasmian	9
8	Ucaptama	10
9	Majlis Penutupan	12
10	Pembentangan Selari	13
11	Jawatankuasa	21
12	Penghargaan	22
13	Nota	23

KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama menghadiri Persidangan Antarabangsa Kesatuan Ulama Islam Sedunia dalam Sosiopolitik (CIMS2021) secara atas talian. Syabas diucapkan kepada penganjur persidangan ini, iaitu kerjasama antara Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia bersama *Terengganu Strategic & Integrity Institute* (TSIS) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Melihat kepada tajuk-tajuk kertas kerja yang dibentangkan, ia sejajar dengan tema utama persidangan, iaitu Ulama Penggerak Sosiopolitik Ummah. Justeru, saya berpandangan persidangan ini berjaya mencapai objektifnya, iaitu sebagai platform perkongsian idea dan percambahan minda berkaitan penglibatan, pendekatan strategi dan sumbangan tokoh-tokoh ulama dalam membantu menggerakkan sosiopolitik ummah. Kesemua elemen ini boleh diteladani oleh generasi masa kini dan masa hadapan. Tahniah saya ucapan kepada semua ahli pasukan penganjur.

Seterusnya melalui perkongsian dalam persidangan ini juga diharapkan dapat membantu tokoh pimpinan gerakan Islam dalam mendepani isu global dan cabaran semasa, di samping memberi informasi kepada generasi hadapan untuk mengenali sosiopolitik Islam khususnya pada pendekatan sosiopolitik tokoh-tokoh Islam tempatan dan antarabangsa.

Oleh itu, saya berharap melalui CIMS 2021, perkongsian dan jaringan profesional antara para pembentang dari dalam dan luar negara dapat dipertingkatkan dalam usaha untuk membina jalinan perkongsian ilmu yang holistik dan komprehensif. Saya juga berharap kolaboratif antara Fakulti Pengajian Islam, UKM bersama *Terengganu Strategic & Integrity Institute* (TSIS) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) boleh diteruskan lagi di masa hadapan.

Akhir kalam, semoga penganjuran CIMS 2021 dapat menjadi wadah medan ilmu dan membuka lembaran baharu untuk mengimarahkan budaya ilmu. Ini selaras dengan usaha UKM untuk menambahbaik kajian berkaitan sosiopolitik Islam dan sumbangan tokoh gerakan Islam, serta mempertingkat ketamadunannya yang sudah dipasak sekian lamanya. Saya juga berharap agar persidangan dengan tema sebegini, boleh diterapkan sebagai aktiviti tahunan Fakulti Pengajian Islam, UKM. InshaAllah.

PROF. DATO' TS. DR. MOHD EKHWAN BIN HJ. TORIMAN

*Naib Canselor,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Segala puji bagi Allah SWT. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda dan para sahabatnya. *Alhamdulillah* Persidangan Antarabangsa Kesatuan Ulama Islam Sedunia dalam Sosiopolitik (CIMS2021) ini berjaya diadakan. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat menjayakannya. Persidangan ini berjaya dilansungkan melalui anjuran bersama Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Penglibatan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) dalam penganjuran persidangan ini bersesuaian dengan salah satu objektif TSIS untuk bertindak sebagai perantara yang menyatukan pelbagai agensi kerajaan, institusi persendirian dan komuniti untuk mencapai program strategik dalam membantu memacu pertumbuhan dan menjana kemakmuran untuk negara.

Di samping itu, TSIS juga mensasarkan untuk menjadi badan pemikir utama dalam menyelidik, merancang dan mengemukakan dasar dan polisi yang cekap dalam isu-isu tempatan, nasional dan antarabangsa bagi tujuan penambahbaikan khususnya yang berkaitan dengan negeri Terengganu. Semoga dengan penganjuran persidangan secara bersama dengan Intitusi Pendidikan Tinggi dan Badan Dakwah sebegini dapat membantu TSIS mencapai objektif penubuhannya.

Akhir kalam, diharapkan persidangan ini telah memberi sumbangan pemikiran dan ilmu yang bermanfaat kepada semua peserta, pemerhati dan semua pihak yang berkepentingan terutamanya dalam usaha memahami dan meletakkan peranan sebenar para ulamak sebagai *murabbi* dalam pembinaan jatidiri masyarakat dan penggerak Sosiopolitik Ummah. Semoga persidangan sebegini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan *inshaAllah*.

DR. HAJI WAN MAT BIN SULAIMAN

*Ketua Pegawai Eksekutif,
Terengganu Strategic & Integrity Institute*

KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

ALHAMDULILLAH, segala puji dan kesyukuran dirafak ke hadrat Allah SWT atas pelbagai nikmat tidak terhitung yang dikurniakan kepada setiap makhluk. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia, Rasulullah SAW, keluarga serta para sahabat Baginda.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Sektor Penyelidikan, penerbitan dan antarabangsa Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Terengganu Strategic and Integrity Institute (TSIS) dan Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah dan Pusat Kajian Syariah UKM kerana berjaya menganjurkan program Persidangan Antarabangsa Sosiopolitik Gerakan Islam Sedunia.

Gerakan Islam merupakan suatu usaha yang tersusun bagi membangunkan Islam sebagai suatu cara hidup yang sempurna dari seluruh aspek kehidupan. Bagi mencapai usaha ini, ia mestilah bergerak atas dasar dakwah yang merupakan tugas utama para rasul dan gerakan Islam untuk menyambung tugas mereka. Selain itu, gerakan dakwah juga sebagai aktiviti ummah secara berorganisasi dan bersistematik bagi mengembalikan Islam dalam kepimpinan masyarakat dan bagi memandu seluruh kehidupan manusia.

Penganjuran program sebegini perlu dilaksanakan secara lebih tersusun dan bersistematik secara komprehensif selaras dengan perkembangan dunia global yang semakin mencabar bagi menjamin kesejahteraan ummah. Sesungguhnya usaha murni ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan badan dakwah dan agensi kerajaan bagi menyebarluas gerakan dakwah agar dapat difahami, diamalkan dan dihayati dalam kehidupan masyarakat secara keseluruhannya.

Marilah kita sama-sama berdoa agar program persidangan ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya dan merungkai metode fiqh siyasah yang diaplikasi oleh tokoh-tokoh gerakan Islam sedunia sesuai dengan keperluan zaman dan boleh mencapai matlamat dakwah itu sendiri.

HJ. NASRUDIN BIN HASSAN

*Yang Dipertua,
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia*

KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Segala puji dan syukur yang selayaknya bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Saya merakamkan tahniah kepada ahli jawatankuasa di atas penganjuran Persidangan Antarabangsa Kesatuan Ulama Islam Sedunia dalam Sosiopolitik (CIMS 2021). Saya percaya bahawa persidangan ini dapat menjadi platform yang ampuh bagi aktivis dakwah dan gerakan Islam, ahli politik dan ahli akademik mengetengahkan idea, pemikiran dan sudut pandang tentang tema persidangan ini berdasarkan bidang dan pengalaman masing-masing. Pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan masyarakat pula boleh memanfaatkan peluang ini untuk memahami konsep politik dalam Islam. Mereka juga akan mendapat pendedahan tentang sejarah keterlibatan ulama dalam politik dan kenegaraan di samping menelaah pendekatan fiqh siyasi ulama dalam mendepani cabaran politik semasa.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) atas kesudian menjadi penganjur bersama persidangan ini. CIMS 2021 merupakan antara aktiviti utama dalam rangka kerjasama strategik antara Fakulti Pengajian Islam dengan TSIS yang ditemeterai melalui Perjanjian Persefahaman (Memorandum of Understanding-MoU) pada Mei 2019 dan YADIM pada September 2020.

Penganjuran program secara kolaboratif ini menandakan kepercayaan industri terhadap keupayaan ahli akademik Fakulti ini bahkan ia merupakan suatu bentuk pengiktirafan terhadap kepakaran kami. Fakulti Pengajian Islam sentiasa menghulurkan tangan dan menyambut tawaran kerjasama dalam pelbagai bentuk, sama ada persidangan seperti CIMS ini, penyelidikan, konsultasi dan rundingcara, kegiatan pembangunan pelajar, pembangunan bakat dan kompetensi kakitangan. Kami bersedia berkongsi kepakaran yang ada dengan semua pihak berkepentingan demi mencapai kemakmuran bersama.

Akhir kalam, saya mendoakan agar persidangan selama dua hari ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan memberi impak yang positif kepada pembentang, peserta dan jawatankuasa penganjur sendiri.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DR. WAN KAMAL BIN MUJANI

*Dekan,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*

KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Segala puji dan syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaan-Nya persidangan yang lama kita rancangkan ini telah dapat dijalankan walaupun secara webinar atau atas talian sepenuhnya. Persidangan ini adalah merupakan rentetan kepada kajian yang sedang dijalankan oleh pasukan daripada Fakulti Pengajian Islam berkaitan dengan fiqh siasah TGHH dan kebetulannya beliau juga adalah bekas Naib Ketua kesatuan Ulama Sedunia di masa ketuanya Prof. Dr. Yusuf al Qaradawi.

Justeru itu maka persidangan ini diadakan bagi tujuan kita mengumpul maklumat maklumat daripada tokoh-tokoh ulamak serantau dan antarabangsa yang terlibat dengan siasah bagaimana mereka mentatbiqkan fiqh siasah ini dalam kepimpinan mereka di negara negara mereka di samping mendapat maklumat maklumat tentang fiqh siasah daripada para intelektual dan juga para pengkaji yang akan membentangkan kertas kertas mereka di persidangan ini nanti.

Tema "Ulamak Penggerak Sosio-politik Ummah" di pilih sebagai tema persidangan pada kali ini adalah bagi menyatakan bahawa ulamak mempunyai tanggungjawab yang besar dalam masyarakat. Mereka bukan hanya sebagai imam bagi memimpin solat, mereka juga bukan hanya pemberi tazkirah atau peringatan kepada masyarakat, dan mereka juga bukan hanya pembaca doa dalam majlis majlis tertentu sahaja tetapi tugas mereka yang lebih besar ialah memandu rakyat dan masyarakat untuk mencapai kebahagiaan yang sebenar di dunia dan juga di akhirat.

Harapan besar kami ialah untuk memastikan persidangan ini nanti berjaya mencapai objektifnya iaitu mendapat sebanyak mana mungkin input daripada tokoh-tokoh politik, ilmuan dan cendekiawan daripada ucaptama-ucaptama yang akan disampaikan dan juga daripada kertas-kertas yang akan dibentang dan diperdebatkan juga pada waktu yang sama memahamkan para masyarakat awam, mahasiswa ahli politik dan sebagainya tentang betapa pentingnya memahami fiqh siasah yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta ijmak dan juga qias serta kaedah kaedah fiqh dalam mengurus dan mentadbir sesuatu negara bagi mendapat keredaan Allah SWT sebagaimana yang disebut di dalam ayat-Nya *Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghaffur*.

PROF. MADYA DR. MAZLAN BIN IBRAHIM

Pengarah,

Persidangan Antarabangsa Kesatuan Ulama Islam Sedunia dalam Sosio-Politik 2021

ATURCARA PERSIDANGAN*

24 Februari 2021 (Rabu)

Masa	Perkara
0845 – 0900	Pendaftaran
0900 – 1000	Ucapan Alu-aluan Profesor Madya. Dr. Mazlan Bin Ibrahim <i>Pengarah Persidangan CIMS 2021</i> Ucapan Alu-aluan YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Ekhwan Bin Hj. Toriman <i>Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia</i> Ucapan Perasmian YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Bin Mohamad Al Bakri <i>Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)</i>
1000 – 1045	Ucaptama Pertama Tajuk : Peranan Badan Dakwah dan NGO dalam Menanam Kesedaran Politik di Kalangan Masyarakat Oleh : Hj. Nasrudin Bin Hassan <i>Yang Dipertua, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)</i>
1045 – 1130	Ucaptama Kedua Tajuk : Peranan Ulama dalam Politik Antarabangsa Oleh : Prof. Dr. Ahmed al-Raiissouni <i>Ketua, Kesatuan Ulama Islam Sedunia (KUIS)</i>
1130 – 1215	Ucaptama Ketiga Tajuk : Peranan Gerakan Islam dalam Politik Asia Tenggara Oleh : Dr. H. Salim Segaf Al-Jufri <i>Ketua Majelis Syura, Parti Keadilan Sejahtera Indonesia</i>
1215 – 1300	Ucaptama Keempat Tajuk : Pemikiran Abdul Hadi Awang Berkaitan Pembangunan Masyarakat Islam Oleh : Profesor Madya Dr. Jaffary Bin Awang <i>Pengerusi, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia</i>
1300 – 1430	Rehat

1430 – 1515 Ucaptama Kelima

Tajuk : Peranan Gerakan Islam dalam Pentadbiran Negara

Oleh : YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar
Menteri Besar Negeri Terengganu

1515 – 1630 Sidang Selari

1630 Bersurai

25 Februari 2021 (Khamis)

Masa	Perkara
0845 – 0900	Pendaftaran
0900 – 0945	Ucaptama Keenam
0945 – 1030	Ucaptama Ketujuh
1030 – 1230	Ucapan Alu-aluan
1230	Bersurai

Tajuk : Politik Hubungan Antarabangsa Malaysia - Turki

Oleh : Temel Karamollaoğlu
 Ketua, Parti Saadat, Turki

0945 – 1030 Ucaptama Ketujuh

Tajuk : Politik Muslim Barat

Oleh : Prof. Dr. Kamal Helbawy
Ahli Muslim Council of Britain
Mantan Jurucakap Ikhwanul Muslimin di Barat

1030 – 1230 Ucapan Alu-aluan

Profesor Dr. Wan Kamal Bin Mujani

Dekan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Ucaptama Perdana dan Ucapan Perasmian Penutup

Tajuk : Hubungan Malaysia dan Timur Tengah dalam Geo-politik Semasa

Oleh : YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Bin Awang
Duta Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah bertaraf Menteri

1230 Bersurai

* Tertakluk kepada sebarang perubahan.

MAJLIS PERASMIAN

 **LIVE** : [KLIK DI SINI](#)

24 Februari 2021 (Rabu)

Masa	Perkara
0850 – 0900	Kehadiran Tetamu VIP, Pembentang dan Peserta
0900 – 1000	Nyanyian Lagu ‘ Negaraku ’ Nyanyian Lagu ‘ Varsiti Kita ’ Bacaan al – Quran
	Ucapan Alu-aluan Profesor Madya. Dr. Mazlan Bin Ibrahim <i>Pengarah Persidangan CIMS 2021</i>
	Ucapan Alu-aluan YBhg. Prof. Dato’ Dr. Mohd Ekhwan Bin Hj. Toriman <i>Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia</i>
	Ucapan Perasmian YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Bin Mohamad Al Bakri <i>Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)</i>
1000	Bersurai

UCAPTAMA

Ucaptama 1

24 Februari 2021 | 1000 – 1045



LIVE : [KLIK DI SINI](#)

Tajuk : Peranan Badan Dakwah dan NGO dalam Menanam Kesedaran Politik di Kalangan Masyarakat

Hj. Nasrudin Bin Hassan

Yang Dipertua, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

Ucaptama 2

24 Februari 2021 | 1045 – 1130



LIVE : [KLIK DI SINI](#)

Tajuk : Peranan Ulama dalam Politik Antarabangsa

Prof. Dr. Ahmed al-Raisouni

Ketua, Kesatuan Ulama Islam Sedunia (KUIS)

Ucaptama 3

24 Februari 2021 | 1130 – 1215



LIVE : [KLIK DI SINI](#)

Tajuk : Peranan Gerakan Islam dalam Politik Asia Tenggara

Dr. H. Salim Segaf Al-Jufri

Ketua Majelis Syura, Parti Keadilan Sejahtera Indonesia

Ucaptama 4

24 Februari 2021 | 1215 – 1300



LIVE : [KLIK DI SINI](#)

Tajuk : Pemikiran Abdul Hadi Awang Berkaitan Pembangunan Masyarakat Islam

Profesor Madya Dr. Jaffary Bin Awang

Pengerusi, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Ucaptama 5 24 Februari 2021 | 1430 – 1515



LIVE : [KLIK DI SINI](#)

Tajuk : Peranan Gerakan Islam dalam Pentadbiran Negara
YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar
Menteri Besar Negeri Terengganu

Ucaptama 6 25 Februari 2021 | 0900 – 0945



LIVE : [KLIK DI SINI](#)

Tajuk : Politik Hubungan Antarabangsa Malaysia – Turki
Temel Karamollaoğlu
Ketua, Parti Saadat, Turki

Ucaptama 7 25 Februari 2021 | 0945 – 1030



LIVE : [KLIK DI SINI](#)

Tajuk : Politik Muslim Barat
Prof. Dr. Kamal Helbawy
Ahli Muslim Council of Britain
Mantan Jurucakap Ikhwanul Muslimin di Barat

Ucaptama Perdana 25 Februari 2021 | 1030 – 1200



LIVE : [KLIK DI SINI](#)

Tajuk : Hubungan Malaysia dan Timur Tengah dalam Geo-politik Semasa
YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Bin Awang
Duta Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah bertaraf Menteri

MAJLIS PENUTUPAN

 **LIVE** : [KLIK DI SINI](#)

25 Februari 2021 (Khamis)

Masa	Perkara
1030 – 1230	Ucapan Alu-aluan Profesor Dr. Wan Kamal Bin Mujani <i>Dekan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia</i>
	Ucaptama Perdana dan Ucapan Perasmian Penutup YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Bin Awang <i>Duta Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah bertaraf Menteri</i>
1230	Bersurai

PEMBENTANGAN SELARI**

BILIK MAYA 1

Pengerusi Sesi : Dr. Ahmad Yunus Bin Mohd Nor

Tema : Politik Islam, Pengurusan, Undang – undang

Pautan Mesyuarat : [KLIK DI SINI](#)

Tarikh & Masa : 24 Februari 2021 | 1515 – 1630

- 1 Hadis – Hadis Kepimpinan Menurut Tuan Guru Abdul Hadi Awang

Pembentang: Mohd Luqman Arif Bin Sakri

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

- 2 Aplikasi Pendekatan Kaedah Perubahan Hukum dengan Berubahnya Masa dalam Siyasah Syariyyah

Pembentang: Mohd Izzuddin Bin Mohd Noor

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

- 3 Pendekatan Fiqh Siyasah Abdul Hadi Awang dalam Politik

Pembentang: Dr. Sabri Bin Mohammed

*Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

- 4 Political Spectrum in Terengganu, Malaysia: An analysis of Rabbani leadership based on Maqasid al-Shariah

Pembentang: Dr. Hailan Bin Salamun

*Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Pusat Pendidikan Asas &
Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu*

BILIK MAYA 2

Pengerusi Sesi : Dr. Mohd Faizulamri Bin Mohd Saad

Tema : Pendidikan dan Pembangunan Ummah

Pautan Mesyuarat : [KLIK DI SINI](#)

Tarikh & Masa : 24 Februari 2021 | 1515 – 1630

- 1 Pendidikan Menurut Al-Quran dan Sunnah dalam Membentuk Peradaban Ummah

Pembentang: Abdul Hafiz Bin Mat Tuah

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

- 2 Pendidikan Islam Sebagai Intervensi Awal Kepada Kanak-kanak Autisme

Pembentang: Norasmah Bt Mohd Basri

SMK Kinabutan II , Tawau, Sabah

- 3 Program Pembangunan (Tarbiyah) Mualaf di Negara Brunei Darussalam: Analisis Pelaksanaan Skim Bimbingan Pengenalan Islam

Pembentang: Pg Haji Muhammad Firdaus Bin Pg Haji Rusman

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

- 4 Keberkesanan Modul JERI dalam Kalangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia Menggunakan Model Pengukuran Rasch

Pembentang: Azlisham Bin Abdul Aziz

Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Shah Alam

BILIK MAYA 3

Pengerusi Sesi : Dr. Farid Bin Mat Zain

Tema : Tokoh Gerakan Islam & Sumbangannya

Pautan Mesyuarat : [KLIK DI SINI](#)

Tarikh & Masa : 24 Februari 2021 | 1515 – 1630

- 1 Tuan Guru Haji Daud Bin Haji Yusof: Sumbangan Sebagai Tokoh Ulamak di Kelantan

Pembentang: Ahmad Syakir Bin Mohd Nassuruddin

Universiti Malaysia Kelantan

- 2 Pemikiran Politik Islam Sheikh Abdul Qadir Al-Mandili di dalam Kitab Islam: Agama dan Kedaulatan

Pembentang: Mohamed Sukri Bin Omar

Universiti Teknologi Malaysia

- 3 Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang Tokoh Gerakan Islam dan Pentafsir al-Quran di Nusantara

Pembentang: Syamimi Amira Binti Shamsul Baharin

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

- 4 Fajar Sarawak (1930): Gagasan dan Perjuangan Keulamaan dalam Konteks Nasioislamisme dan Dekadensisme Dunia Melayu

Pembentang: Dr. Nordi Bin Achie

*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Kampus Antarabangsa Labuan,
Universiti Malaysia Sabah*

BILIK MAYA 4

Pengerusi Sesi : Dr. Muhammad Adib Bin Samsudin

Tema : Politik Islam & Dakwah

Pautan Mesyuarat : [KLIK DI SINI](#)

Tarikh & Masa : 24 Februari 2021 | 1515 – 1630

- 1 Pendekatan Dakwah Politik Abdul Hadi Awang di Malaysia: Tumpuan Kepada Tafsir Surah Yaasin

Pembentang: Mira Farisha Binti Sadimin

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

- 2 Hubungan Qasas al-Qur'an dengan Pendekatan Dakwah: Tumpuan Terhadap Pemikiran Tafsir Tuan Guru Abdul Hadi Awang

Pembentang: Muhammad Khairi Bin Abdul Azib

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

- 3 Integrasi Dakwah dan Siyasah dalam Pemikiran Tuan Guru Dato'Seri Haji Abdul Hadi Awang

Pembentang: Dr. Haziyah Binti Hussin

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

- 4 Ketokohan dan Pemikiran Dakwah-Politik Pak Natsir (1908-1993)

Pembentang: Dr. Abdur Razzaq

Fakultas Dakwah dan Komunikasi, UIN Raden Fatah Palembang

- 5 The Politico-Dakwah Approach Of Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Pembentang: Profesor Dr. Badlihisham Bin Mohd Nasir

*Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,
 Universiti Teknologi Malaysia*

BILIK MAYA 5

Pengerusi Sesi : Dr. Azmul Fahimi Bin Kamaruzaman

Tema : Politik Islam, Pengurusan, Undang – undang

Pautan Mesyuarat : [KLIK DI SINI](#)

Tarikh & Masa : 24 Februari 2021 | 1515 – 1630

- 1 Politik Islam Menurut Hamka Berdasarkan Tafsir Al-Azhar

Pembentang: Mohd Fadli Bin Ghani

Islamic Institute of Independent Research on Democracy (IIIRD)

- 2 Muafakat Politik: Pengalaman PAS dalam Arena Politik Malaysia

Pembentang: YB Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi

- 3 Signifikan Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS) dalam Menangani Konflik Kepelbagaian Kaum di Malaysia

Pembentang: Wan Siti Norjannah Binti W Sulong

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

- 4 Politik Sejahtera Suatu Pendekatan Baharu dalam Budaya Berpolitik

Pembentang: Associate Professor Dr. Mazlan Bin Ibrahim

*Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

BILIK MAYA 6

- Pengerusi Sesi** : Dr. Siti Jamiaah Binti Abdul Jalil
- Tema** : Kesejahteraan Ummah, Pembangunan Ummah, Politik dan Hubungan Antarabangsa
- Pautan Mesyuarat** : [KLIK DI SINI](#)
- Tarikh & Masa** : 24 Februari 2021 | 1515 – 1630
-

- 1 Awareness on Environmental Protection among the Muslims in Ampara District

Pembentang: Dr. Ahamed Sarjoon Razick

South Eastern University of Sri Lanka

- 2 Panduan Ulama Islam Berkaitan Amalan Pencegahan Penularan Pandemik: Satu Sorotan

Pembentang: Mohd Sophian Bin Ismail

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

- 3 Tuan Guru Dato' Dr Haron Din: Developing the Ummah Through the Methodology of Islamic Darussyifa' Medicine Malaysia

Pembentang: Ahmad Zafran Bin Shahrul Azhar

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi

- 4 Perspektif Ahlussunah Wal Jamaah Terhadap Seruan Boikot Produk Perancis Sebuah Pendekatan Teologis

Pembentang: Fharis Romanda

*Faculty of Arts and Culture Science, Universitas Islam Negeri (UIN)
 Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia*

BILIK MAYA 7

Pengerusi Sesi : Dr. Wan Fariza Alyati Binti Wan Zakaria

Tema : Politik Islam, Pengurusan, Wanita Muslim dan Masyarakat

Pautan Mesyuarat : [KLIK DI SINI](#)

Tarikh & Masa : 24 Februari 2021 | 1515 – 1630

- 1 Legasi Tuan Guru Nik Abdul Aziz – Kepimpinan Parti dan Pentadbiran Kerajaan

Pembentang: Dr. Wan Nik Bin Wan Yussof

Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan

- 2 Tadbir Urus Kerajaan Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang

Pembentang: Profesor Madya Dr. Zuliza Binti Mohd Kusrin

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

- 3 Wanita Berpolitik Mendepani Cabaran Era COVID-19 Praktis Dewan Muslimat PAS

Pembentang: YB Senator Hajah Nuridah binti Mohd Salleh

Ahli Dewan Negara

- 4 Peranan Wanita dalam Masyarakat Menurut Perspektif Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang

Pembentang: Dr. Najah Nadiah Binti Amran

*Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

BILIK MAYA 8

- Pengerusi Sesi** : Profesor Madya Dr. Zamri Bin Ariffin
Tema : Pembangunan Ummah; Politik & Masyarakat
Pautan Mesyuarat : [KLIK DI SINI](#)
Tarikh dan Masa : 24 Februari 2021 | 1515 – 1630
-

- 1 Prinsip Asas Hubungan Kemasyarakatan antara Agama dalam Konteks Pemahaman Agama Islam dan Agama Kristian

Pembentang: Mirzatul Aqilah binti Mat Nor

Research Centre For Theology and Philosophy, The National University of Malaysia

- 2 Konsep Keadilan Pemerintahan Menurut Kitab Nasihat Raja-Raja, Terengganu

Pembentang: Wan Sukairi Bin Abdullah

Ahli Exco Kerajaan Negeri Terengganu

- 3 Sumbangan dan Sokongan Alumni KIAS Terhadap Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) Negeri Kelantan

Pembentang: Mujiburrahman Bin Muhammad Saleh

Jabatan Muamalat, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan

- 4 الشباب ودورهم في بناء حضارة الأمة وتنمية البلاد والحفظ على أنها (بروناي دار السلام نموذجاً)

Pembentang: Professor Dr. Ali Sayed Abdel Hamed Youseff El-Syimi

Faculty of Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

** Tertakluk kepada sebarang perubahan.

JAWATANKUASA

Penaung	Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Bin Hj. Toriman Dr. Haji Wan Mat Bin Sulaiman
Pengerusi	Profesor Dr. Wan Kamal Bin Mujani Ustaz Haji Nasrudin Bin Hassan
Penasihat	Prof. Madya Dr. Latifah Binti Abdul Majid Tuan Kamarul Arief Bin Tuan Soh
Ketua Pengarah	Prof. Madya Dr. Mazlan Bin Ibrahim
Naib Ketua Pengarah	Dr. Masitah Binti Esa
Timbalan Pengarah	Prof. Madya Dr. Jaffary Bin Awang
Naib Timbalan Pengarah	Pn. Norazira Binti Jaafar
Setiausaha	Prof. Madya Dr. Zuliza Binti Mohd Kusrin
Timbalan Setiausaha	Muhammad Khairi Bin Abdul Azib
Bendahari	Dr. Muhammad Adib Bin Samsudin
Timbalan Bendahari	Mohd Luqman Arif Bin Sakri

Jawatankuasa Pelaksana

Kertas Kerja	Dr. Haziyah Binti Hussin Pn. Zalilah Binti Bahari
Sidang Selari	Dr. Najah Nadiah Binti Amran Pn Shahida Binti Khalid
Pendaftaran	Syamimi Amira Binti Shamsul Baharin
Publisiti	Dr. Mohd Nasir Bin Abdul Majid En. Md. Zan Bin Saari
Penerbitan Prosiding	Puan Siti Suhafzan Binti Sh. Ibrahim
Teknikal	En. Mohammad Rashid Bin Abdul Rahim
Protokol	Dr. Sabri Bin Mohamad
Sijil	Wan Siti Norjannah Binti W Sulong
Tugas-tugas Khas	En. Marwan Bin Mohd Khir En. Zam Zarizal Bin Mad Arifin

PENGHARGAAN

Dr. Abu Dardaa Bin Mohamad	<i>Juruacara</i>
Muhamad Amirul Adli Bin Mohd Khairullazmi	<i>Qari'</i>
Dr. Ahmad Yunus Bin Mohd Nor	<i>Pengerusi Sesi Pembentangan Selari</i>
Dr. Mohd Faizulamri Bin Mohd Saad	<i>Pengerusi Sesi Pembentangan Selari</i>
Dr. Farid Bin Mat Zain	<i>Pengerusi Sesi Pembentangan Selari</i>
Dr. Muhammad Adib Bin Samsudin	<i>Pengerusi Sesi Pembentangan Selari</i>
Dr. Azmul Fahimi Bin Kamaruzaman	<i>Pengerusi Sesi Pembentangan Selari</i>
Dr. Siti Jamiaah Binti Abdul Jalil	<i>Pengerusi Sesi Pembentangan Selari</i>
Dr. Wan Fariza Alyati Bin Wan Zakaria	<i>Pengerusi Sesi Pembentangan Selari</i>
Prof. Madya Dr. Zamri Bin Ariffin	<i>Pengerusi Sesi Pembentangan Selari</i>

NOTA

NOTA



ANJURAN

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
TERENGGANU STRATEGIC & INTEGRITY INSTITUTE (TSIS)
YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM)